

**MAKLUMAN BERKENAAN PENDENGARAN PETISYEN PENERIMAAN MASUK  
PEGUAMBELA & PEGUAMCARA MAHKAMAH TINGGI MALAYA (“LONG CALL”)  
SECARA FIZIKAL SEMASA FASA ENDEMIK**

1. Bermula 22.7.2022 sehingga ke tarikh yang akan dimaklumkan kelak, prosiding Penerimaan Masuk Peguambela dan Peguamcara Mahkamah Tinggi Malaya (“*Long Call*”) di Kuala Lumpur akan dijalankan secara fizikal.
2. Hanya 2 orang tetamu serta seorang Peguam Pengusul (“*Mover*”) dan seorang Peguam Pengajar (“*Master*”) sahaja yang dibenarkan masuk ke dalam Mahkamah Terbuka bagi setiap Pempetisyen. Keutamaan tetamu diberikan kepada ibu bapa/pasangan/ahli keluarga.
3. Semua pihak yang hadir perlu mematuhi **TATACARA OPERASI STANDARD PENGOPERASIAN MAHKAMAH DI SELURUH MALAYSIA SELARAS DENGAN FASA PERALIHAN KE ENDEMIK** bertarikh 15.6.2022 yang dikeluarkan oleh Pejabat Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia.
4. Semua pihak yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka sepanjang prosiding berlangsung.
5. Istiadat memakai jubah (“*robe*”) oleh Peguam Pengajar (“*Master*”) adalah tertakluk kepada budi bicara YA Hakim yang mendengar Petisyen tersebut.
6. Sila patuhi arahan daripada petugas Mahkamah jika diminta untuk menjaga jarak/berpindah tempat/meninggalkan Mahkamah Terbuka.
7. Memandangkan terdapat beberapa sesi “*long call*” yang akan dijalankan, sila pastikan anda hadir untuk prosiding yang betul.

Terima kasih di atas kerjasama semua dan tahniah diucapkan.